



25 Julai 2012  
25 July 2012  
P.U. (A) 223

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN  
PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 5) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF  
TAX AND STAMP DUTY) (NO. 5) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 5) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 5) 2012.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Julai 2012.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah perjanjian novasi ("Perjanjian Novasi") berhubung dengan novasi segala hak, obligasi dan liabiliti Penerbangan Malaysia Berhad ("Peminjam") dibawah perjanjian kemudahan ("Perjanjian Kemudahan") yang dibuat antara Peminjam dengan Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ, Ltd., Labuan Branch ("Pemberi Pinjaman") berhubung dengan peruntukan kemudahan pinjaman pusingan hingga jumlah prinsipal agregat maksimum Dolar Amerika Tiga Ratus Juta (USD300,000,000.00) ("Kemudahan") kepada Pulau Melaka Ltd. ("Pengganti Peminjam"), yang kena dibayar oleh—

- (a) Pengganti Peminjam yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Pulau Melaka Ltd.) 2012 [P.U. (A) 222/2012];
- (b) Kerajaan Malaysia di bawah suatu jaminan yang akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia menurut Kemudahan ini; dan
- (c) mana-mana pihak lain dalam Perjanjian Novasi itu termasuk mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak, Perjanjian Novasi itu.